

Dron digunakan pantau situasi banjir

Oleh Siti Rohana Idris - Januari 2, 2022 @ 4:16pm
bhnews@bh.com.my



TUMPAT: Tiga unit dron digunakan untuk memantau situasi banjir membabitkan daerah Kuala Krai, Jeli dan Tanah Merah.

Penyelaras Unit Dron Negeri Kelantan, Penolong Penguasa Bomba Raja Arisansahseni Rasa Semail, berkata dron yang boleh diterbangkan mencecah 122 meter tinggi mengikut undang-undang penerbangan itu berupaya mengesan pergerakan aliran air bagi membuat jangkaan serta menilai tahap risiko di kawasan terjejas banjir.

Beliau berkata, teknologi yang dilengkapi kamera berdefinisi tinggi itu juga mampu terbang sejauh tujuh kilometer (km) untuk merakam setiap pergerakan aliran air dan mengesan sebarang halangan yang dibawa aliran sungai untuk langkah siapsiaga.

"Setakat tiga hari penggunaan teknologi itu yang bermula pada Jumaat lalu, kita sudah memantau tiga daerah yang dilanda banjir iaitu Kuala Krai, Jeli dan Tanah Merah.